

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 2 TAHUN 1995

MELANJUTKAN TEMPOH KEMUDAHAN PINDAHMILIK TANAH DAN GADAIAN DI BAWAH PROGRAM KHAS PERUMAHAN KOS RENDAH

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan setelah menimbang Kertas MMK Bil. 3/95/95(6) dalam sidangnya pada 8 Februari 1995 telah bersetuju membuat keputusan sebagaimana berikut:-

- 1.1. Melanjutkan tempoh kebenaran am di bawah Seksyen 13A Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Seksyen 104 Enakmen Tanah Kelantan 1938 bagi membolehkan tuan tanah Bukan Melayu di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah membuat pindahmilik pertama kepada pembeli-pembeli Bukan Melayu Anak Kelantan (tertakluk kepada Kuota) dan seterusnya membolehkan pembeli pertama membuat cagaran/gadaian kepada Bank atau Institusi Kewangan yang tidak disenaraikan di dalam Jadual D Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan 1938 sehingga 31 Disember 1996.

- 1.2. Melanjutkan tempoh kebenaran am di bawah Seksyen 104 Enakmen Tanah Kelantan 1938 bagi membolehkan tuan tanah Melayu di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah membuat pindahmilik pertama kepada pembeli-pembeli Melayu Bukan Anak Kelantan dan seterusnya membolehkan pembeli pertama membuat cagaran/gadaian kepada Bank atau Institusi Kewangan yang tidak disenaraikan dalam Jadual D Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan 1938 sehingga 31 Disember 1996.

- 1.3. Melanjutkan tempoh pengecualian bayaran pendaftaran pindahmilik pertama dan gadaian bagi semua rumah kos rendah jenis biasa dan pangsa di bawah Program Rumah Awam Kos Rendah sehingga 31 Disember 1996.
 - 1.4. Pengurangan kadar bayaran premium bagi tukar syarat dan pecah sempadan sebanyak 50% untuk tempoh 2 tahun sehingga 31 Disember 1996.
 - 1.5. Pengurangan bayaran kelulusan pelan oleh Majlis Daerah / Perbandaran sebanyak 50% untuk semua projek RAKR.
2. Pentadbir-pentadbir Tanah tidak perlu lagi menyediakan kertas kerja MMK tetapi perlu membuka permohonan seperti biasa dan menyediakan sijil-sijil di bawah Seksyen 13A Enakmen Tanah Kelantan 1938 untuk ditandangani oleh YB. Setiausaha Kerajaan Kelantan. Bayaran untuk sijil-sijil tersebut perlu dipungut seperti biasa (rujuk Arahan Pengarah Tanah Dan Galian Kelantan Bil. 2/89 dan 1/91)
 3. Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Kelantan Bil. 1/93 adalah dengan ini dimansuhkan .

t.t

(Khalid bin Khadir)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

KEPADA:

YABrs. Semua Pentadbir Tanah
Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA:

1. Y.A.B Dato' Tuan Guru Menteri Besar, Kelantan.
2. Y.B Timbalan Menteri Besar Kelantan
(Tuan Hj. Ab. Halim bin Ab. Rahman).
3. Y.B Timbalan Menteri Besar Kelantan
(Dato'Haji Mohd. Rozali bin Isohak).
4. Y.B Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.
5. Y.B.M Tengku Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
7. Y.A.Brs. Ketua Audit Negeri Kelantan.
8. Y.Brs. Pengarah Penyelesaian Tanah Negeri Kelantan.
9. Y.Brs Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
NEGERI KELANTAN,
BLOK 3, TKT. BAWAH KOTA DARULNAIM,
15576 KOTA BHARU.**

**FAIL : P.T.G. KN. SULIT. 23/3/1 JLD.3 (15)
BERTARIKH : 27 RAMADAN 1415
27 FEBRUARI 1995.**